

Subsidi padi \$270j bagi petani kita

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Dr. M: Jangan terlalu mudah jual tanah

KERAJAAN akan membelanjakan \$270 juta bagi membayar subsidi padi setahun untuk membantu petani di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Ser Dr. Mahathir Mohamad berkata, bantuan subsidi bertambah berlipat kali-ganda apabila Kerajaan mengumumkan kenaikan subsidi dari \$2 kepada \$10 sepikul.

Bellau berucap demikian selepas melakukan korban di Kampung Teluk Malik, Jitra 13 batu dari sini.

Katanya, Kerajaan dapat menambah bantuan subsidi itu kerana mendapat perolehan yang bertambah dari hasil minyak negara khususnya dari Trengganu.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, Kerajaan amat bertimbang rasa dalam membahagikan kekayaan negara yang diperolehi dari negeri-negeri kaya untuk membantu rakyat di negeri-negeri miskin.

Membidas

Bagaimanapun, tambahnya, rakyat patut berayukur kerana mempunyai sebuah Kerajaan yang insaf dan bertanggungjawab membebanis rakyat miskin melalui pelaksanaan berbagai rancangan pembangunan.

"Kita mesti ingat bukan semua Kerajaan akan membantu rakyat miskin seperti yang

berlaku hari ini di negara-negara lain," ujarnya.

Ketika berucap kepada penduduk-penduduk Kampung Tokong Kokdang 24 batu dari sini selepas upacara yang sama, Timbalan Perdana Menteri membidas orang-orang Melayu yang menjual tanah mereka kerana ingin mendapat keuntungan yang cepat.

"Orang-orang Melayu seperti ini cepat-cepat menjual tanah apabila harga tanah naik berkaitan dengan pembangunan yang berlaku di tempat mereka," katanya.

Menurutnya orang-orang seperti ini akan menghadapi masa depan yang gelap kerana mereka akan menderita setelah tanah-tanah itu dijual.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, keuntungan yang diperolehi

dari jualan tanah-tanah tersebut tidak akan tahan lama dan mereka akan menderita apabila habis dibelanjakan.

Menderita

Katanya, mereka yang membeli tanah tersebut akan menikmati faedah yang berlipatganda sedangkan tuan asal tanah tersebut menderita dan melihat sahaja kesenangan orang lain.

Bellau menyeru mereka yang mempunyai tanah supaya menjaga dan mengusahakannya dengan bersungguh-sungguh untuk mendapat faedah yang sepenuhnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah melakukan upacara yang sama di Titi Gajah dan Kampung Cegar di Pendang.

ALOR SETAR, Isnin